

HUBUNGAN ANTARA EFIKASI KENDIRI DAN SIKAP GURU PENDIDIKAN  
JASMANI TERHADAP MODEL TEACHING GAMES FOR UNDERSTANDING  
(TGFU) DI DAERAH GOMBAK

SHARIZAL ABDUL KARIM

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT  
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)  
(MOD KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

|   |
|---|
|   |
|   |
| ✓ |
|   |

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13 (hari bulan) Jun (bulan) 2022.

### i. Perakuan pelajar :

Saya, SHARIZAL BIN ABDUL KARIM M20201000953 FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA EFIKASI KENDIRI DAN SIKAP GURU PENDIDIKAN JASMANI TERHADAP MODEL TEACHING GAMES FOR UNDERSTANDING (TGFU) DI DAERAH GOMBAK adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ROZAIREEN BIN MUSZALI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA EFIKASI KENDIRI DAN SIKAP GURU PENDIDIKAN JASMANI TERHADAP MODEL TEACHING GAMES FOR UNDERSTANDING (TGFU) DI DAERAH GOMBAK (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

13 Jun 2022

Tarikh



Tandatangan Penyelia





## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

### BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN

#### KERTAS PROJEK

#### DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: HUBUNGAN ANTARA EFIKASI KENDIRI DAN SIKAP GURU  
PENDIDIKAN JASMANI TERHADAP MODEL TEACHING GAMES  
FOR UNDERSTANDING (TGfU) DI DAERAH GOMBAK

No. Matrik / Matric's No.: M20201000953

Saya / I : SHARIZAL BIN ABDUL KARIM

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

☐

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972


☐

**TERHAD/RESTRICTED**


Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**



(Tandatangan Pelajar/ Signature)

  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 13 Jun 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

## PENGHARGAAN

Allahu Akbar!

Alhamdulillah, akhirnya berkat kesabaran dan kegigihan serta limpah rahmat serta izin Allah SWT, saya berupaya menyempurnakan kajian ini. Sesungguhnya, dalam usia yang sebegini, cabaran untuk memahami dan menyerap ilmu agak sukar dan memerlukan kesabaran yang tinggi. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Rozaireen Muszali yang banyak memberi dorongan, ilmu dan buah fikiran membantu saya memantapkan penulisan tesis ini. Semoga Allah merahmati dan mempermudah urusan kehidupan Dr. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan guru-guru besar di sekolah yang terlibat kerana membenarkan kajian ini dijalankan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri tercinta, Hashafa binti Husin kerana memberi sokongan kepada saya untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Buat anak-anak tersayang Nurul Fatin Sajidah binti Sharizal, Muhammad Faris bin Sharizal, Nurul Farzana binti Sharizal, Nurul Fikriyah binti Sharizal dan Nurul Fatini binti Sharizal. terima kasih kerana memahami kesusahan ayah. Buat abah dan mak yang telah pergi, Allahyarham Haji Abdul Karim bin Lebai Abas dan Allahyarham Hajah Fatimah binti Dahaman, adik beradik serta keluarga mertua yang sentiasa memberi sokongan yang tidak putus-putus, terima kasih! Seterusnya, buat sahabat-sahabat yang sentiasa menghulurkan pertolongan dan memberi semangat, tidak ada ucapan terindah selain daripada ucapan terima kasih daripada hati yang tulus ikhlas. Juga buat peserta kajian dan pihak sekolah yang membantu saya menjayakan kajian, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan.

Terima kasih semuanya.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara efikasi sendiri dan sikap guru pendidikan jasmani terhadap model *Teaching Games For Understanding* (TGfU) di daerah Gombak. Kajian ini menggunakan kaedah reka bentuk tinjauan atau penerokaan. Populasi kajian terdiri daripada beberapa buah sekolah di daerah Gombak dan seramai 169 orang guru subjek Pendidikan Jasmani daripada jumlah populasi iaitu sebanyak 300 menjadi responden kajian melalui persampelan rawak mudah. Dua instrumen yang digunakan iaitu soal selidik efikasi sendiri dan soal selidik *Teaching Games For Understanding*. Instrumen kajian yang dibina telah disemak oleh enam pakar bagi memastikan isi kandungannya bersesuaian dan menepati matlamat kajian. Data dianalisis melalui statistik deskriptif dan inferens. Tahap efikasi sendiri dan tahap sikap guru Pendidikan Jasmani terhadap model TGfU di daerah Gombak berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian menunjukkan adanya hubungan antara efikasi sendiri dan sikap guru terhadap model TGfU. Kesimpulannya, kajian menghuraikan hubungan antara efikasi sendiri dan sikap guru pendidikan jasmani terhadap model *Teaching Games For Understanding* (TGfU).

## **RELATIONSHIP BETWEEN SELF-EFFICIENCY AND THE ATTITUDE OF PHYSICAL EDUCATION TEACHERS TOWARDS THE TEACHING GAMES FOR UNDERSTANDING (TGfU) MODEL IN GOMBAK DISTRICT**

### **ABSTRACT**

This study aims to examine the relationship between self-efficacy and attitudes of physical education teachers towards the model of Teaching Games For Understanding (TGfU) in the Gombak district. This study uses survey or exploratory design methods. The study population consists of several schools in the district of Gombak and a total of 169 Physical Education subject teachers from the total population of 300 became the respondents of the study through simple random sampling. Two instruments used were the self-efficacy questionnaire and the game teaching questionnaire for comprehension. The research instruments were reviewed by six experts to ensure that the content was appropriate and met the objectives of the study. Data were analysed through descriptive and inferential statistics. The level of self -efficacy and the level of attitude of Physical Education teachers towards the TGfU model in the Gombak district are at a high level. The findings show that there is a relationship between self-efficacy and teachers' attitudes towards the TGfU model. In conclusion, the study describes the relationship between self-efficacy and attitudes of physical education teachers towards the Teaching Games For Understanding (TGfU) model.

**KANDUNGAN**

Muka surat

|                                                           |      |
|-----------------------------------------------------------|------|
| <b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>                        | ii   |
| <b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN LAPORAN KERTAS PROJEK</b> | iii  |
| <b>PENGHARGAAN</b>                                        | iv   |
| <b>ABSTRAK</b>                                            | v    |
| <b>ABSTRACT</b>                                           | vi   |
| <b>KANDUNGAN</b>                                          | vii  |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                                     | xi   |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                                      | xii  |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>                                  | xiii |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>                                   | xiv  |
| <b>BAB 1    PENGENALAN</b>                                | 1    |
| 1.1    Pendahuluan                                        | 1    |
| 1.2    Latar Belakang Kajian                              | 2    |
| 1.3    Pernyataan Masalah                                 | 3    |
| 1.4    Objektif Kajian                                    | 7    |
| 1.5    Soalan Kajian                                      | 8    |
| 1.6    Kepentingan Kajian                                 | 8    |
| 1.7    Skop dan Batasan Kajian                            | 10   |
| 1.8    Definisi Operasional                               | 11   |



|                                                   |    |
|---------------------------------------------------|----|
| 1.8.1 Efikasi Kendiri Guru                        | 11 |
| 1.8.2 Sikap Guru                                  | 12 |
| 1.8.3 Teaching Games for Understanding            | 12 |
| 1.9 Rumusan                                       | 13 |
| <b>BAB 2 TINJAUAN LITERATUR</b>                   | 14 |
| 2.1 Pengenalan                                    | 14 |
| 2.2 Pendidikan Jasmani                            | 15 |
| 2.3 Guru Pendidikan Jasmani                       | 17 |
| 2.4 Efikasi Kendiri Guru                          | 21 |
| 2.5 Sikap Guru                                    | 24 |
| 2.6 Model Teaching Games for Understanding (TGfU) | 27 |
| 2.7 Rumusan                                       | 33 |
| <b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>                    | 35 |
| 3.1 Pengenalan                                    | 35 |
| 3.2 Reka bentuk kajian                            | 35 |
| 3.3 Populasi dan sampel                           | 36 |
| 3.4 Instrumen Kajian                              | 37 |
| 3.5 Kesahan Instrumen                             | 38 |
| 3.5.1 Ujian Kesahan                               | 40 |
| 3.6 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian             | 42 |
| 3.7 Pengukuran Pemboleh Ubah                      | 43 |

|              |                                                                                                                                                         |    |
|--------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 3.8          | Prosedur Penganalisis Data                                                                                                                              | 45 |
| 3.9          | Etika kajian                                                                                                                                            | 46 |
| 3.10         | Rumusan                                                                                                                                                 | 46 |
| <b>BAB 4</b> | <b>DAPATAN KAJIAN</b>                                                                                                                                   | 47 |
| 4.1          | Pengenalan                                                                                                                                              | 47 |
| 4.2          | Demografi Responden                                                                                                                                     | 47 |
| 4.2.1        | Demografi Responden (Jantina)                                                                                                                           | 48 |
| 4.2.2        | Demografi Responden (Umur)                                                                                                                              | 49 |
| 4.2.3        | Demografi Responden (Status Perkhawinan)                                                                                                                | 50 |
| 4.2.4        | Demografi Responden (Kelayakan akademik)                                                                                                                | 51 |
| 4.2.5        | Demografi Responden (Tempoh Perkhidmatan)                                                                                                               | 51 |
| 4.2.6        | Demografi Responden (Pendapatan)                                                                                                                        | 52 |
| 4.3          | Analisis Deskriptif                                                                                                                                     | 53 |
| 4.3.1        | Bagaimanakah Tahap Efikasi Guru Pendidikan Jasmani Terhadap Model TGfU di Daerah Gombak                                                                 | 54 |
| 4.3.2        | Tahap sikap guru Pendidikan Jasmani terhadap model TGfU di daerah Gombak                                                                                | 57 |
| 4.3.3        | Apakah Hubungan antara Efikasi Kendiri dan Sikap Guru Pendidikan Jasmani Mempengaruhi Keberkesanan Model TGfU Dalam Pendidikan Jasmani di Daerah Gombak | 59 |
| 4.4          | Rumusan                                                                                                                                                 | 61 |
| <b>BAB 5</b> | <b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>                                                                                                                      | 63 |
| 5.1          | Pendahuluan                                                                                                                                             | 63 |

|       |                                                                                                           |    |
|-------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 5.2   | Ringkasan Kajian                                                                                          | 64 |
| 5.3   | Perbincangan dan Dapatan Kajian                                                                           | 66 |
| 5.3.1 | Tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani melalui pelaksanaan model TGfU di daerah Gombak             | 67 |
| 5.3.2 | Tahap sikap guru Pendidikan Jasmani melalui pelaksanaan model TGfU di daerah Gombak                       | 68 |
| 5.3.3 | Hubungan antara efikasi sendiri dengan sikap guru Pendidikan Jasmani terhadap model TGfU di daerah Gombak | 69 |
| 5.4   | Implikasi dan Cadangan Kajian                                                                             | 70 |
| 5.5   | Cadangan Kajian Lanjutan                                                                                  | 72 |
| 5.6   | Kesimpulan                                                                                                | 73 |
|       | <b>RUJUKAN</b>                                                                                            | 74 |



## SENARAI JADUAL

| No. Jadual |                                                                                                                                             | Muka surat |
|------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 3.1        | Penggunaan Borang Soal Selidik                                                                                                              | 38         |
| 3.2        | Komen Keseluruhan Panel Penilaian Instrumen                                                                                                 | 40         |
| 3.3        | Hasil keputusan ujian Kesahan                                                                                                               | 41         |
| 3.4        | Komen Keseluruhan Panel Penilaian Instrumen                                                                                                 | 43         |
| 3.5        | Mengenal pasti tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani melalui pelaksanaan model TGfU di daerah Gombak.                               | 44         |
| 3.6        | Penyataan mengenal pasti tahap sikap guru Pendidikan Jasmani melalui pelaksanaan model TGfU di daerah Gombak.                               | 45         |
| 3.7        | Pernyataan efikasi sendiri dan sikap guru Pendidikan Jasmani terhadap model <i>Teaching Games for Understanding</i> (TGfU) di daerah Gombak | 45         |
| 4.1        | Demografi responden                                                                                                                         | 48         |
| 4.2        | Nilai Skor Min bagi Menentukan Persepsi Responden                                                                                           | 54         |
| 4.3        | Tahap efikasi guru Pendidikan Jasmani terhadap model TGfU di daerah Gombak                                                                  | 55         |
| 4.4        | Tahap Efikasi Guru                                                                                                                          | 57         |
| 4.5        | Tahap sikap guru Pendidikan Jasmani terhadap model TGfU di daerah Gombak                                                                    | 58         |
| 4.6        | Tahap sikap guru Pendidikan Jasmani terhadap model TGfU                                                                                     | 59         |
| 4.7        | Tafsiran Korelasi Miller (2006)                                                                                                             | 60         |
| 4.8        | Ujian Bivariate                                                                                                                             | 61         |



**SENARAI RAJAH**

| <b>No. Rajah</b> |                               | <b>Muka surat</b> |
|------------------|-------------------------------|-------------------|
| 4.1              | Jantina responden             | 49                |
| 4.2              | Umur Responden                | 50                |
| 4.3              | Status Perkahwinan            | 50                |
| 4.4              | Kelayakan Akademik Responden  | 51                |
| 4.5              | Tempoh Perkhidmatan Responden | 52                |
| 4.6              | Pendapatan Responden          | 53                |

## SENARAI SINGKATAN

|      |                                         |
|------|-----------------------------------------|
| KPM  | Kementerian Pendidikan Malaysia         |
| P&P  | Pengajaran dan Pembelajaran             |
| PJK  | Pendidikan Jasmani dan Kesihatan        |
| TGfU | <i>Teaching Games for Understanding</i> |
| UPSI | Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI |

## SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik Kajian
- B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- C Output SPSS Analisis Deskriptif
- D Output SPSS Analisis Inferensi
- E Output SPSS Ujian Kesahan

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Penelitian ini mengkaji mengenai hubungan antara tahap efikasi sendiri dengan sikap guru Pendidikan Jasmani terhadap model pendekatan permainan pengajaran untuk pemahaman (TGfU) di daerah Gombak. Kajian ini telah meletakkan beberapa objektif utama untuk dijadikan sebagai garis panduan iaitu mengenal pasti tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani melalui pelaksanaan model TGfU, mengenal pasti tahap sikap guru Pendidikan Jasmani melalui pelaksanaan model TGfU dan mengetahui hubungan antara efikasi sendiri dengan sikap guru Pendidikan Jasmani terhadap model TGfU di daerah Gombak. Melalui isu-isu yang berlaku dalam hubungan antara efikasi sendiri dan sikap guru Pendidikan Jasmani terhadap model pendekatan permainan pengajaran untuk pemahaman (TGfU), beberapa permasalahan mengenai kajian telah dikenal pasti yang telah menimbulkan beberapa persoalan kajian. Dalam bab ini juga akan membincangkan beberapa objektif yang akan menjawab persoalan kajian dan akan menyatakan kepentingan dan sumbangan serta skop kajian.



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Natalia L (2019) menjelaskan bahawa Pendidikan Jasmani merupakan satu mata pelajaran yang akan mengajar mengenai kemahiran asas dalam bentuk pergerakan, kecergasan dan kesihatan subjek ini merangkumi pengetahuan saintifik, asas biologi dan pengamalan Pendidikan Jasmani dan gaya hidup sihat. Bentuk pelaksanaan teori latihan adalah mengadakan sesi pembelajaran mengenai subjek tersebut. Pertimbangkan peranan latihan teori dalam kerangka Pendidikan Jasmani dan sukan.

Syamsuar (2017) menjelaskan bahawa Pendidikan Jasmani merupakan satu proses pendidikan yang melibatkan aktiviti fizikal para pelajar dalam melahirkan perubahan dari segi kecergasan dan kualiti bukan hanya dari segi fizikal tetapi dari segi mental yang sihat dan emosi yang stabil. Mata pelajaran ini bukan hanya memperbaiki kualiti belajar secara prestasi namun memastikan para pelajar aktif secara fizikal untuk bermain pelbagai sukan dan aktiviti. Namun, tenaga pengajar subjek Pendidikan Jasmani tidak lari daripada beberapa rungutan di sekolah mengenai gaya pembelajaran yang kurang menarik dan tidak menyeronokkan. Kebanyakan pelajar tidak tertarik dengan aktiviti yang disediakan semasa sesi pembelajaran teori, aktiviti sukan mahupun sesi pembelajaran kecergasan dilakukan tidak mampu menaikkan semangat mahupun keghairahan mereka untuk belajar. Kebanyakan pelajar hanya bermain dan melakukan aktiviti tanpa ilmu yang diterapkan sehingga ada yang merasa bosan dalam melaksanakan aktiviti yang diajar. Tambahan pula, setiap pelajar mempunyai pelbagai ragam yang berbeza dan berkemungkinan sukar untuk dikawal ketika melakukan aktiviti sukan dan penerangan permainan yang pelbagai juga menyukarkan proses kefahaman pelajar mengenai cara bermain dan menjalankan aktiviti sukan tersebut.





Selain itu, masa pengajaran yang singkat juga telah menyukarkan menyampaikan pengajaran aktiviti sukan untuk lebih dihayati dan difahami serta membentuk pelajar yang cergas sesuai dengan objektif mata pelajaran Pendidikan Jasmani itu sendiri. Situasi ini akan menimbulkan banyak persoalan mengenai cara pendekatan yang digunakan sama ada bersesuaian atau berkesan secara efektif kepada pelajar dan juga terhadap guru Pendidikan Jasmani sewaktu pengajaran dan pembelajaran dijalankan (Mommert et al., 2015).

### 1.3 Pernyataan Masalah

Menjadi guru Pendidikan Jasmani bukanlah suatu hal yang mudah, kebanyakan mereka menghadapi kesukaran dalam menarik minat pelajar melakukan aktiviti dan bersukan kerana kebanyakan pelajar tidak memiliki kemahiran bermain dan kemungkinan model yang digunakan membosankan sehingga ramai pelajar tidak menggunakan masa bersukan dengan berkesan. Mommert et al. (2015) menjelaskan bahawa sesi pembelajaran bagi subjek ini terlalu singkat kerana setiap aktiviti yang dilakukan memerlukan lebih masa kerana sifat pembelajaran tersebut adalah pelbagai dan tidak terikat seperti subjek kokurikulum yang lainnya. Oleh itu, banyak persoalan yang timbul bagaimana cara untuk memastikan subjek Pendidikan Jasmani boleh dilakukan dengan lebih efektif. Subjek Pendidikan Jasmani bukan hanya mengenai teori pemahaman namun ia melibatkan pergerakan fizikal yang memerlukan latihan yang konsisten serta tahap penguasaan kepada kemahiran-kemahiran asas tersebut. Oleh itu, situasi tersebut memaksa setiap guru perlu membuat pelbagai pendekatan dan strategi bagi memastikan pelajar dengan mudah memahami dan bergiat aktif menyertai aktiviti sukan secara



konsisten. Situasi ini memaksa para pengajar untuk lebih kreatif dan bijak dengan memanfaatkan kemudahan sukan yang disediakan oleh pihak sekolah.

Syamsuar (2017) menyatakan bagi memastikan sesi pembelajaran dan pengajaran lebih menarik, para tenaga pengajar khususnya subjek Pendidikan Jasmani perlu melakukan lebih banyak strategi yang dilihat bersesuaian dengan situasi kemahiran para pelajar agar semua pelajar melakukan lebih banyak aktiviti yang akan mengolah kemahiran mereka mengikut keperluan tanpa disedari. Hal ini akan membantu mereka menyedari kelebihan dan kemahiran yang mereka ada terhadap sukan dan aktiviti yang mereka lakukan. Strategi seperti ini akan menjadikan suasana sesi pembelajaran menjadi lebih menarik dan menyeronokkan. Hal ini kerana, kaedah yang lebih menyeronokkan dan sesuai dengan keperluan murid yang pelbagai latar belakang dan kebolehan. Oleh itu, seorang guru perlu bijak dan kreatif semasa menjalankan sesi pembelajaran sangat diperlukan, terutama bagi sekolah yang tidak memiliki kemudahan bersukan lengkap bagi membantu dalam sesi pembelajaran dan pengajaran. Sebagai guru terutama subjek Pendidikan Jasmani perlu sentiasa menjaga keterampilan diri, sikap, kemahiran dan amalan penjagaan kesihatan mereka dapat menjadi contoh kepada para pelajarnya. Objektif utama Pendidikan Jasmani adalah untuk memberi ilmu pengetahuan, latihan sikap dan kemahiran kepada semua generasi muda khususnya pelajar agar mereka memperoleh dan menjadi rutin gaya hidup yang lebih sihat demi kesejahteraan hidup.

Tiga domain psikomotor, kognitif, dan afektif dalam pengajaran ketangkasan, kemahiran sukan dan permainan akan mudah difahami dan berjaya dilaksanakan bergantung dengan tahap motivasi pelajar dan cara seseorang guru mengajar dan



menyampaikannya. Oleh yang demikian, dalam memberi motivasi kepada pelajar, setiap guru perlu terlebih dahulu membuat perancangan mengenai topik, tujuan dan apa yang perlu dicapai dari segi cara penyampaian untuk pembelajaran serta strategi dalam pemarkahan yang sesuai mengikut kepada kebolehan dan minat pelajar. Strategi pendekatan yang lebih sistematik dalam sesi pengajaran dan pembelajaran perlu memberi penekanan kepada objektif jangka panjang agar semua objektif dapat dicapai iaitu memberi motivasi dan menyokong para pelajar. Biasanya pendekatan ini berkaitan dengan teori kepada sikap semula jadi pelajar yang kemudian akan menjadi pegangan dalam pembelajaran pelajar (Eh Ah Meng, 2002). Abdul Ghani (2015) juga menjelaskan bahawa seorang guru yang mengajar atau terlibat secara langsung dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani ini merupakan penyumbang kepada pembangunan modal insan dan intelek kepada organisasi pendidikan itu sendiri.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah melakukan beberapa kajian mengenai penyakit kronik yang melibatkan sebanyak 60% rakyat di Malaysia telah mengidap penyakit yang berisiko kepada penyakit kronik. Situasi ini berlaku kerana rakyat Malaysia yang kurang aktif melakukan aktiviti senaman ataupun bersukan. Menurut data daripada *Noncommunicable Disease Section - Disease Control Division* (2006) rakyat Malaysia mudah menghadapi penyakit kronik disebabkan kurangnya aktiviti senaman dan sukan menyumbang kepada masalah obesiti di Malaysia. Moreno & Llamas (2007) dan Nuviala et. al (2011) menjelaskan bahawa subjek Pendidikan Jasmani memberi pengaruh yang sangat besar kepada kecergasan dan kesihatan pelajar. Tambahan, subjek Pendidikan Jasmani memberi pengetahuan yang sangat penting mengenai kecergasan dan amalan kesihatan. Selain itu, dengan adanya Pendidikan Jasmani akan secara tidak langsung membantu dalam mempromosikan amalan



kesihatan kepada para pelajar. Salah satu strategi bagi memberi galakan kepada pelajar adalah memberi kebebasan kepada mereka untuk turut serta mengambil bahagian secara aktif, melatih mereka untuk mengatasi masalah dalam membuat keputusan dan bekerja dalam satu kumpulan. Hal ini boleh dicapai jika pembelajaran dan pengajaran dilakukan dengan menggunakan kaedah yang sesuai.

Oleh itu, kajian ini ingin mengenal pasti tahap efikasi dengan sikap guru Pendidikan Jasmani terhadap model TGfU di daerah Gombak agar dapat melakukan penambahbaikan dalam pengajaran pada masa akan datang. Guru Pendidikan Jasmani selama ini telah menguji keberkesanan dengan melakukan pelbagai perbandingan mengenai tahap motivasi dan tahap kecergasan fizikal para pelajar yang diperoleh melalui model TGfU. Seorang guru Pendidikan Jasmani perlu memiliki keyakinan ketika mengajar merupakan satu tindakan yang menunjukkan bahawa seorang guru itu memiliki efikasi sendiri yang menjadi contoh. Ahmad Zabidi (2006), menjelaskan bahawa efikasi sendiri merupakan suatu tugas yang dilakukan mengikut capaian dari satu tahap ke tahap yang tertentu. Hal ini kerana, sesuatu tugas mudah diselesaikan apabila seseorang memiliki keyakinan yang akan berkesan. Jika sekiranya seseorang tidak memiliki dan menunjukkan kemampuan diri yang dimiliki dengan mudah akan mengalami kegagalan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Ahmad Zabidi (2006) juga menjelaskan bahawa seorang pemimpin yang baik perlu mempersiapkan diri dan perlu membina efikasi sendiri yang akan memberi kesan positif kepada setiap tindakan dan objektif yang ingin dicapai. Robbins (1986) menjelaskan bahawa kesediaan sikap seseorang akan mempengaruhi kejayaan dalam sesuatu perkara yang diusahakannya dan jika mengalami kegagalan itu juga bergantung kepada sikapnya melihat sesuatu. Seorang guru perlu memiliki sikap yang boleh dibentuk berdasarkan





pengalaman, pengetahuan dan pandangannya terhadap sesuatu perkara. Osagie (2017) menjelaskan dalam kajiannya mengenai aspek prestasi sering dikaitkan dengan pencapaian intelektual di sekolah berbeza dengan prestasi jasmani. Oleh itu menjadi tanggungjawab para pengajar untuk melihatkan betapa pentingnya Pendidikan Jasmani kepada pembangunan kecergasan fizikal dan mental pelajar bagi mencapai pencapaian dalam subjek asas biasa. Dalam kajian yang dilakukan oleh Norsimah & Mohd Mahadzir (2020) dalam kajiannya menjelaskan bahawa terdapat banyak kajian lepas yang membuktikan bahawa efikasi sendiri guru merupakan satu elemen penting dalam memastikan sebuah sekolah itu mempunyai kepercayaan terhadap kualiti keupayaan diri dalam mengendalikan proses pembelajaran dan pengajaran yang lebih berkesan.



#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini memiliki objektif yang akan menjadi garis panduan kepada setiap maklumat yang ingin dicapai, antara objektif penelitian kajian yang ingin dicapai adalah:

- i. Mengenal pasti tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani melalui pelaksanaan model TGfU di daerah Gombak.
- ii. Mengenal pasti tahap sikap guru Pendidikan Jasmani melalui pelaksanaan model TGfU di daerah Gombak.
- iii. Mengkaji hubungan antara efikasi sendiri dengan sikap guru Pendidikan Jasmani terhadap model TGfU di daerah Gombak.





## 1.5 Soalan Kajian

Setiap kajian yang dilakukan perlu mempunyai permasalahan berdasarkan kepada rumusan di atas, persoalan kajian yang terhasil adalah:

- i. Bagaimanakah tahap efikasi guru Pendidikan Jasmani terhadap model TGfU di daerah Gombak?
- ii. Bagaimanakah tahap sikap guru Pendidikan Jasmani terhadap model TGfU di daerah Gombak?
- iii. Apakah hubungan antara efikasi sendiri dan sikap guru Pendidikan Jasmani mempengaruhi keberkesanan model TGfU dalam Pendidikan Jasmani di daerah Gombak?



## 1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilakukan akan memberi banyak kepentingan dan sumbangan, oleh itu mengapa kajian ini wajar dilakukan. Kajian ini akan memberi banyak manfaat berguna terutama kepada pihak pengkaji, pelajar, guru khususnya Pendidikan Jasmani, pelajar-pelajar universiti, kolej, sekolah dan para pengkaji akan datang khususnya dalam kajian mengenai guru Pendidikan Jasmani mahupun model pendekatan permainan pengajaran untuk pemahaman TGfU.

- a. Guru

Menyedarkan para guru bahawa penggunaan pendekatan model ini akan mudah dicapai dengan bagaimana cara guru tersebut mengajar. Dengan mengetahui ciri-ciri tersebut akan membantu guru dalam menyampaikan dan mengajar melalui model ini



dengan lebih berkesan yang secara langsung meningkatkan kefahaman dan kecergasan fizikal pelajar ketika melakukan aktiviti sukan di sekolah.

b. Pelajar

Pendekatan model ini secara khususnya telah membantu para pelajar meningkatkan motivasi dalam melakukan aktiviti sukan kerana pendekatan ini lebih dekat dengan pelajar dalam mempertingkatkan kemahiran dalam menyelesaikan masalah khususnya kepada pelajar dalam membuat keputusan berdasarkan kepada pemahamannya mengenai modul yang dilaksanakan dalam permainan yang diadakan. Penggunaan model ini juga dapat mengenal pasti gaya pendekatan dalam bentuk permainan mengikut tahap pelajar yang juga akan menjadikan suasana sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan dan mampu menarik minat mereka terhadap subjek Pendidikan Jasmani.

c. Pemegang Amanah Kurikulum

i. Pembuat Dasar

Model pendekatan sesi pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Pendidikan Jasmani merupakan satu langkah yang perlu dilakukan bagi memperkenalkan dan mempertingkatkan kualiti subjek tersebut dalam mempengaruhi para pelajar untuk lebih melibatkan diri mereka dalam aktiviti dan sukan yang menyihatkan dan berfaedah dilakukan. Diharapkan dengan adanya kajian seperti ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan untuk semua guru khususnya subjek Pendidikan Jasmani.

## ii. Penyelidik

Kajian ini akan memberi sumbangan dan kepentingan terhadap pengkaji akan datang dan membantu dalam memahami dengan lebih terperinci dengan melihat pelbagai aspek pengetahuan dan definisi mengenai efikasi sendiri dan sikap guru khususnya Pendidikan Jasmani mengenai penggunaan model TGfU. Penyelidik secara langsung akan memperoleh dan mempelajari ilmu pengetahuan secara mendalam mengenai model kajian untuk dijadikan sebagai rujukan daripada kajian-kajian lepas. Tambahan pula, maklumat mengenai peningkatan efikasi sendiri dan sikap guru akan memberi banyak kesan positif dalam memotivasi pelajar serta guru.

### 1.7 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian yang dilakukan hanya tertumpu kepada menganalisis efikasi sendiri dan sikap guru Pendidikan Jasmani terhadap model TGfU di Gombak. Kajian ini hanya menggunakan guru Pendidikan Jasmani yang dipilih secara rawak terhadap model TGfU di Gombak, Selangor sebagai responden kajian tersebut. Semua responden yang akan digunakan untuk kajian ini adalah seramai 169 guru Pendidikan Jasmani daripada jumlah populasi seramai 300 orang guru Pendidikan Jasmani. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan satu pemboleh ubah bebas iaitu model pendekatan permainan pengajaran untuk pemahaman dan menggunakan pemboleh ubah bersandar iaitu efikasi sendiri dan sikap guru Pendidikan Jasmani.

## 1.8 Definisi Operasional

Di dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang digunakan dan istilah-istilah ini didefinisikan seperti berikut:

### 1.8.1 Efikasi Kendiri Guru

Menurut kamus Dewan, efikasi sendiri bermaksud kepercayaan individu bahawa dia boleh melaksanakan tugas dengan baik. Selain itu, efikasi sendiri juga bermaksud dapat menilai seseorang individu dalam menyelesaikan masalahnya serta sejauh mana keyakinan dirinya untuk menyelesaikan masalah tersebut. Efikasi sendiri juga turut dikaitkan dengan penetapan matlamat untuk mencapai apa yang diimpikan.

Masitah et.al (2013) menjelaskan bahawa efikasi sendiri ialah ciri-ciri berkaitan dengan kejayaan seseorang dalam memimpin secara berkolompok atau secara individu.

Definisi lain efikasi sendiri juga boleh ditafsirkan sebagai kemampuan seseorang dalam mengelola atau melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu dicapai oleh seseorang untuk tujuan tertentu.

Berdasarkan teori efikasi sendiri oleh Alfred Bandura (dalam Norsimah dan Mohd Mahadzir (2020), beliau membina teori efikasi sendiri yang mana telah dikenali sebagai suatu kaedah yang praktikal untuk memahami hubungan antara bercakap sendiri (self-talk) dan tingkah laku. Beliau mendefinisikan efikasi sendiri sebagai keyakinan individu mengenai kemampuan diri seseorang dalam melakukan tugas atau tindakan yang diperlukan untuk mencapai hasil tertentu (Bandura, 1986).



### 1.8.2 Sikap Guru

Awal mengenai sikap didefinisikan secara luas. Allport (1935) mendefinisikan sikap sebagai "Keadaan kesediaan mental dan saraf, disusun melalui pengalaman, dan menggunakan arahan atau pengaruh dinamik terhadap tindak balas individu terhadap semua objek dan situasi yang berkaitan dengannya. Dengan definisi yang begitu luas, mudah dilihat mengapa sikap dilihat sebagai konstruk pusat psikologi sosial. Sikap sekarang dilihat sebagai pernyataan penilaian yang baik atau tidak baik mengenai beberapa aspek dalam dunia sosial. Contohnya, Fishbein dan Ajzen (1975) mendefinisikan sikap sebagai "Kecenderungan terpelajar untuk bertindak balas secara konsisten atau cara yang tidak baik terhadap objek tertentu". "Objek" meliputi orang, benda, peristiwa, dan masalah. Apabila anda menggunakan perkataan sedemikian seperti suka, tidak suka, cinta, benci, baik, buruk, celaka, dan lain-lain anda menggambarkan sikap anda. Dalam pandangan ini, sikap adalah penilaian orang, kumpulan, tindakan, atau benda.

### 1.8.3 Teaching Games for Understanding

Dalam pengertian Bahasa Malaysia, model TGfU suatu konsep permainan sambil belajar untuk memahami sesuatu permainan di mana guru mengajar dan pelajar pula belajar. Sanmuga (2019) menjelaskan bahawa *Teaching Games for Understanding* (TGfU) menawarkan taktikal-teknikal pengajaran yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa kerana keupayaannya untuk menghasilkan pemain pintar melalui pendekatan penyelesaian masalah dalam permainan seperti aktiviti sukan yang melibatkan pergerakan fizikal pelajarnya. Pendekatan TGfU telah dikembangkan oleh Bunker & Thorpe (1982) di United Kingdom sebagai alternatif pengajaran permainan



berasaskan kemahiran. Pendekatan ini asasnya ialah jika guru dapat meningkatkan pemahaman murid tentang permainan, kemudian prestasi peningkatan lebih cenderung. Oleh itu pendekatannya lebih bersifat taktikal daripada yang ada teknikal, dengan fokus pada proses membuat keputusan dan isu "apa yang harus dilakukan" selama ini permainan adalah pengetahuan penting sebelum persoalan "bagaimana melakukannya" adalah ditujukan. Pendekatan ini menunjukkan format permainan (jika perlu) permainan, agak berbeza dengan format pelajaran permainan tradisional yang menumpukan pada latihan kemahiran sebelum sebarang permainan dilaksanakan.

## 1.9 Rumusan

Keseluruhannya, bab ini telah merumuskan dan memperkenalkan secara asas mengenai hubungan antara efikasi sendiri dan sikap guru Pendidikan Jasmani tentang penggunaan dan definisi konseptual secara umum mengenai model pendekatan permainan pengajaran untuk pemahaman (TGfU) di daerah Gombak. Bab ini telah menerangkan mengenai hubungan antara efikasi sendiri dan sikap guru Pendidikan Jasmani berhadapan institusi pendidikan dan menghuraikan isu-isu yang berlaku mengenai model pendekatan permainan pengajaran untuk pemahaman (TGfU). Melalui isu-isu tersebut wujudnya beberapa objektif kajian yang seterusnya membentuk persoalan kajian.